

## Banjir di Kelantan pulih sepenuhnya

Hidayatidayu Razali - Disember 28, 2022 @ 8:17pm  
bhnews@bh.com.my



Penduduk, Sani Mamat, 44, membersihkan kedai kopi dan kedai runcitnya di Kampung Bendang Pak Yong, Tumpat yang dinaiki air sehingga 1.5m semasa banjir. - NSTP/Siti Rohana Idris

KOTA BHARU: Banjir di Kelantan pulih sepenuhnya selepas dua pusat pemindahan sementara (PPS) terakhir terletak di Pasir Mas, ditutup sepenuhnya petang ini.

Ia ditutup susulan 31 mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas banjir di kawasan kediaman mereka surut.

Kesemua mangsa membabitkan 12 keluarga itu sebelum ini mendiami PPS Pusat Tarbiah Nasrullah Pohon Buloh dan Sekolah Kebangsaan (SK) Banggol Chicha.

Kedadaan cuaca yang baik sejak beberapa hari lalu menyebabkan banjir di kampung yang terjejas pulih sepenuhnya.



Kedadaan cuaca yang baik sejak beberapa hari lalu menyebabkan banjir di kampung yang terjejas pulih sepenuhnya. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar